



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 3 FEBRUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAQIS RAMPAS 9,000KG ANAK BENIH POKOK KELAPA DARI VIETNAM, NASIONAL, SH -18 PRODUK MAKANAN, PERTANIAN DIRAMPAS DI LAPANGAN TERBANG, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5. 6. 7.	NAFAS PERKENAL TANAMAN PADI LADANG PINTAR MULAI TAHUN INI, NASIONAL, SH -8 NAFAS BANTU SEKOLAH JANA PENDAPATAN, SINAR NEGERI KEDAH/P.PINANG, SH -32 NAFAS PERKENAL PROGRAM PERTANIAN PINTAR DI KEDAH, NASIONAL, SH -3 PROGRAM PERTANIAN PINTAR UNTUK TANAM PADI EMPAT TAHUN SEKALI, BH ONLINE TANAMAN PADI LADANG PINTAR MULAI TAHUN INI, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8. 9. 10.	ALONG ANIAYA DATUK, LOKAL, HM -8 LKIM TANGGUH BERI SUBSIDI, LOKAL, HM -8 ORANG DALAM DALANG TUKAR NAMA, LOKAL, HM -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	WARGA ASING CENGKAM RANTAIAN SAYUR LEMBAH KLANG, NASIONAL, BH -12 PENDATANG BANGLADESH, MYANMAR BENTUK KARTEL KUASAI PASAR BORONG, NASIONAL, BH -13 THE DANGER LIES IN FACTORY FARMING, VIEWS, THE STAR -16 PENANG RECLAMATION PROJECT WILL STRECTH RESOURCES, LETTERS, NST -15 THE BUSINESS OF DOING GOOD, STAR LIFESTYLE, THE STAR -1 START UP A SOCIAL ENTERPRISE, TECHNOLOGY, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

Maqis rampas 9,000kg anak benih pokok kelapa dari Vietnam

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyita sebanyak 9,000 kilogram anak benih pokok kelapa dari Vietnam yang berpenyakit di Pintu Masuk Pelabuhan Klang Barat pada Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, anak benih yang dianggarkan bernilai RM42,501 itu dirampas ketika pemeriksaan rutin harian dijalankan pegawai penguat kuasa Maqis.

“Hasil pemeriksaan ke atas anak benih berkenaan mendapati ada sebahagian daripadanya mempunyai perosak (kulat) semasa masuk ke dalam negara ini.

“Keluaran pertanian yang diimport berpenyakit merupakan satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah Seksyen 14(b) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, jika disabitkan kesalahan pesalah boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan keluaran pertanian yang diimport ke negara ini supaya setiap keluaran pertanian tersebut bersih, tiada perosak dan penyakit, bahan cemar dan mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Produk makanan, pertanian dirampas di lapangan terbang



Pegawai Maqis menunjukkan produk pertanian yang dirampas.

BAYAN LEPAS - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk pelbagai produk keluaran pertanian melalui laluan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang (LTAPP) sepanjang bulan lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan dibuat dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia itu melibatkan rampasan buah mangga, cili, rumpai laut, jambu air dan sayuran segar seberat 30 kilogram (kg).

Selain itu, turut dirampas produk hasilan haiwan seperti daging sejuk beku serta produk hasilan seperti itik, lembu, kambing, ayam dan babi dengan berat hampir 66 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM3,000.



Pegawai Maqis menunjukkan produk pertanian yang dirampas.

"Kesemua barangan makanan dan hasil pertanian yang cuba dibawa masuk ke negara ini tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah seperti permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis, sijil fitosanitasi dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta yang sama," katanya ketika dihubungi di sini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati produk pertanian itu dibawa masuk individu dari China, Singapura, Taiwan, Indonesia, Korea dan Thailand.



Antara produk makanan yang dirampas di LTAPP.

Zarina berkata, jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya akan memperketatkan lagi kawalan di semua laluan pintu masuk untuk memastikan pengimportan keluaran pertanian yang berisiko mempunyai perosak dan penyakit tidak dibawa masuk dari negara luar bagi memastikan keselamatan makanan dalam negara terkawal dan selamat untuk dimakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Nafas perkenal tanaman padi ladang pintar mulai tahun ini

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bercadang memperkenalkan penanaman padi berkonsepkan ladang pintar bermula tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, ia bagi mencapai sasaran meningkatkan hasil padi dengan melaksanakan empat musim tanaman setahun, berbanding dua musim pada ketika ini.

Menurutnya, kaedah tersebut bukan sesuatu yang mustahil kerana tanaman padi berkonsepkan ladang pintar menggunakan kaedah baharu antaranya teknologi mikrob, aplikasi 5G serta penggunaan dron secara lebih meluas.

“Kita akan beralih kepada ladang pintar secara berperingkat selain teknologi mikrob. Kita gunakan baja organik, variasi benih padi baharu serta peralatan canggih,” katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Sekolah Menengah Kebangsaan Tajar di sini dengan tiga syarikat iaitu Advansia Sdn Bhd, Giganti Solutions Sdn Bhd serta Vivendi Asset Sdn Bhd untuk Projek Sawah Padi Perintis MyGreenTeam semalam.

Phahrolrazi berkata, teknologi mikrob sudah mula diperkenalkan di Kedah bermula tahun ini.

“Teknologi mikrob adalah untuk kompos jerami kepada baja. Apabila gunakan mikrob, ia mempercepatkan pereputan dan baja yang dihasilkan subur,” katanya.

Menurutnya, Nafas akan menerajui perubahan pertanian konvensional kepada kaedah moden dengan menyasarkan hasil padi mencecah 10 metrik tan/hektar.

“Antara cadangan Nafas termasuk menggunakan traktor alat kawalan jauh dan mesin tuai berteknologi tinggi. Benih padi tumbuh sekitar 60 hingga 70 hari untuk keluaran hasil, namun sistem pengairan perlulah berteknologi baharu juga,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KEDAH/ P.PINANG	32



Nafas bantu sekolah jana pendapatan

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) membantu 80 sekolah di seluruh negara untuk menjana pendapatan menerusi projek pertanian bawah Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, antaranya projek MyGreenTeam dengan pembiayaan RM10,000 yang disalurkan kepada kelab pertanian sekolah untuk membangunkan projek pertanian dikendalikan pelajar.

Menurutnya, konsep ini bertepatan dengan usaha kerajaan mahu melahirkan usahawan tani muda selain memberi hasil dan keuntungan kepada pihak sekolah.

"Semua pertubuhan peladang menyumbang dua peratus daripada keuntungan kepada YPP, diagihkan kepada seko-

lah menengah yang mengajar subjek Sains Pertanian dan menubuhkan kelab pertanian sekolah untuk projek tanaman kontan jangka pendek," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum itu, Phahrolrazi menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar dengan tiga syarikat iaitu Advansia Sdn Bhd, Giganti Solutions Sdn Bhd serta Vivendi Asset Sdn Bhd untuk Projek Sawah Padi Perintis MyGreenTeam.

Phahrolrazi berkata, selain menjana pendapatan, projek ini diharap dapat memupuk minat pelajar dalam sektor pertanian lebih awal susulan ia bukan pilihan utama dalam karier generasi muda.

"Sekolah ini ada sawah da-

Jadi projek perintis ini dapat lahirkan anak muda yang tahu ilmu tanaman padi dari awal hingga tuaian."

- Phahrolrazi

lam kawasan sekolah seluas lebih satu hektar yang selama ini disewakan kepada pihak luar. Jadi projek perintis ini dapat lahirkan anak muda yang tahu ilmu tanaman padi dari awal hingga tuaian," katanya.

Menurutnya, SMK Tajar melaksanakan dua projek iaitu sawah padi dan akuaponik dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan Pokok Sena.



Phahrolrazi (tengah) meninjau projek MyGreen Team di SMK Tajar, di Alor Setar, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

NAFAS perkenal program pertanian pintar di Kedah

Sawah boleh diusahakan 4 kali setahun, bantu tingkat hasil padi

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan memperkenalkan program pertanian pintar di Kedah bagi membolehkan sawah diusahakan empat kali setahun sekali gus membantu meningkatkan hasil padi negara.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata pihaknya kini sedang mengenal pasti ka-

wasan yang sesuai untuk diusahakan tanaman padi secara estetik dengan persetujuan pemilik sawah bagi mengoptimalkan kos operasi.

"Kita akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meminta persetujuan pemilik sawah sebelum kita laksanakan program pertanian pintar tahun ini.

"Menerusi program ini kita akan buat semaian sebelum padi yang lebih tinggi ditanam bagi memastikan ia dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat, hanya 60 hari berbanding kaedah biasa yang mengambil masa 120 hingga 150 hari. Dengan itu kita akan dapat usahakan sawah empat kali setahun," katanya.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata menerusi program itu juga petani akan didedahkan de-

ngan teknologi mikrob yang akan mereputkan jerami menjadi baja.

Sebuah syarikat akan dilantik untuk menyembur mikrob ke atas jerami sekali gus ia akan mengelak daripada berlakunya pencemaran udara akibat pembakaran jerami.

"NAFAS juga turut akan memperkenalkan jentera moden bagi tujuan membajak hingga menuai yang akan dikendalikan menerusi alat kawalan jauh. Bagi proses menyembur racun dan baja pula kita akan gunakan dron," katanya.

NAFAS juga sedang mendedahkan program pertanian pintar kepada pelajar menerusi Program MyGreenTeam.

Pelajar Kelab Pertanian Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar akan menjadi se-

kolah perintis dilatih mengusahakan sawah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Pelajar dilatih menggunakan dron serta kaedah menanam padi bagi memupuk minat terhadap pertanian selain menjadikan ia sebagai kerjaya pilihan.

"Projek ini turut melatih pelajar menanam tanaman kontan dan akan melatih mereka menjadi usahawan muda dengan menjual tanaman yang ditanam," katanya.

Terdahulu, Phahrolrazi ditemui selepas meninjau projek sawah MyGreen Team di sekolah itu di sini, semalam.

Sekolah itu menerima peruntukkan sebanyak RM10,000 daripada Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) bagi membiayai projek Akuaponik sekolah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Program pertanian pintar untuk tanam padi empat kali setahun



sawah terlebih dahulu.

ALOR SETAR: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperkenalkan program pertanian pintar di Kedah bagi membolehkan sawah diusahakan empat kali setahun sekali gus membantu meningkatkan hasil padi negara.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata pihaknya kini sedang mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk mengusahakan tanaman padi secara estet bagi mengoptimumkan kos operasi.

Program itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan di kawasan estet ladang yang perlu mendapatkan kelulusan daripada pemilik

"Kita akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meminta persetujuan pemilik sawah sebelum kita laksanakan program pertanian pintar tahun ini juga.

"Menerusi program ini kita akan buat semaian sebelum padi yang lebih tinggi ditanam bagi memastikan ia dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat, hanya 60 hari berbanding kaedah biasa yang mengambil masa 120 hingga 150 hari. Dengan itu kita akan dapat usahakan sawah empat kali setahun," katanya.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata menerusi program itu juga petani akan didedahkan dengan teknologi mikrob yang akan mereputkan jerami menjadi baja.

Sebuah syarikat akan dilantik untuk menyembur mikrob ke atas jerami sekali gus ia akan mengelak dari berlakunya pencemaran udara akibat pembakaran jerami.

"NAFAS juga turut akan memperkenalkan jentera moden bagi tujuan membajak hingga menuai yang akan dikendalikan menerusi alat kawalan jauh. Bagi proses menyembur racun dan baja pula kita akan gunakan dron," katanya.

NAFAS juga sedang mendedahkan program pertanian pintar kepada pelajar menerusi Program MyGreenTeam.

Pelajar Kelab Pertanian Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar akan menjadi sekolah perintis dilatih mengusahakan sawah dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Pelajar akan dilatih menggunakan dron serta kaedah menanam padi bagi memupuk minat terhadap pertanian selain menjadikan ia sebagai kerjaya pilihan.

"Projek ini turut melatih pelajar menanam tanaman kontan dan akan melatih mereka menjadi usahawan muda dengan menjual tanaman yang ditanam," katanya.

Terdahulu, Phahrolrazi ditemui selepas meninjau projek sawah MyGreen Team di sekolah itu di sini hari ini.

Sekolah itu menerima peruntukkan sebanyak RM10,000 daripada Yayasan Pelajaran Peladang (YPP) bagi membiayai projek Akuaponik sekolah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Tanaman padi ladang pintar mulai tahun ini



Phahrolrazi (empat dari kanan) bersama guru dan pelajar SMK Tajar meninjau projek sawah padi perintis MyGreenTeam di sekolah itu di sini hari ini.

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bercadang memperkenalkan penanaman padi berkonsepkan ladang pintar bermula tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Phahrolrazi Zawawi berkata, ia bagi mencapai sasaran meningkatkan hasil padi dengan melaksanakan empat musim tanaman setahun, berbanding dua musim pada ketika ini. Menurutnya, kaedah tersebut bukan sesuatu yang mustahil kerana tanaman padi berkonsepkan ladang pintar menggunakan kaedah baharu antaranya teknologi mikrob, aplikasi 5G serta penggunaan dron secara lebih meluas.

"Kita akan beralih kepada ladang pintar secara berperingkat selain teknologi mikrob. Kita gunakan baja organik, kepelbagaian benih padi baharu serta peralatan canggih," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tajar dengan tiga buah syarikat iaitu Advansia Sdn Bhd, Giganti Solutions Sdn Bhd serta Vivendi Asset Sdn Bhd untuk Projek Sawah Padi Perintis MyGreenTeam di sini hari ini.

Phahrolrazi berkata, teknologi mikrob belum dikenali secara meluas, namun sudah mula diperkenalkan di Kedah bermula tahun ini.

"Teknologi mikrob adalah untuk kompos jerami kepada baja. Kebiasaan jerami dibakar atau dibiarkan reput dan prosesnya lambat apabila digunakan mikrob ia mempercepatkan pereputan dan baja yang dihasilkan subur," katanya.

Menurutnya, Nafas akan menerajui perubahan kaedah pertanian konvensional kepada kaedah moden dengan menyasarkan hasil padi mencecah 10 metrik tan/hektar berbanding lima metrik tan/hektar di kebanyakan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Antara cadangan termasuk menggunakan mesin traktor alat kawalan jauh serta mesin tuai berteknologi tinggi. Benih padi tumbuh sekitar 60 hingga 70 hari untuk mengeluarkan hasil, namun sistem pengairan hendaklah kaedah teknologi baharu," katanya.

Skuad Khas Harian
Metro
am@hmetro.com.my

Bagaikan babak dalam filem aksi, dua ceti haran yang mempunyai pertalian saudara di utara tanah air 'pecah rekod' apabila merampas sebuah bot milik peminjam menyebabkan mangsa kerugian lebih RM3 juta.

Bukan itu sahaja, dua minggu lalu, mereka dike-



BOT yang dilarikan along dari Kuala Kedah ke Teluk Intan.

Saya rayu pihak berwajib jalankan siasatan kerana saya tidak mempunyai apa-apa tanggapan bayaran sebaliknya sudah bayar lebih daripada sepatutnya"

Yong Kok Wah

Along aniaya Datuk

Rampas bot perikanan meskipun dua pinjaman sudah dilunas

san menukarkan nama wakil kuasa untuk e-diesel bot berkenaan kepada nama individu lain yang tidak dikenali walaupun semua hutang sudah difunaskan.

Semuanya bermula apabila mangsa yang juga ahli perniagaan Datuk Yong Kok

Wah, 44, meminjam wang RM900,000 untuk membiayai sebuah projek pada 2015.

Menurutnya, dia melangsaikan pinjaman itu sebanyak RM1.7 juta dan membuat pinjaman kedua bernilai RM1 juta tidak lama selepas itu.

"Pinjaman kedua juga sudah saya selesaikan berjumlah RM1.3 juta. Ini bermakna untuk kedua-dua pinjaman berjumlah RM1.9 juta, saya bayar balik sebanyak RM3 juta," katanya ketika ditemui selepas membuat aduan kepada Pengerusi Gerakan Banteras Along Malaysia (GBAM) Azman Kang Abdullah, di Kuala Lumpur.

Yong berkata, pada Ogos tahun lalu, dia dihubungi salah seorang along berkenaan yang mengajaknya berjumpa di sebuah pusat beli-belah di Alor Setar.

Katanya, sebaik berjumpa along terbabit, dia didatangi 30 lelaki yang mengugutnya dengan mengacukan pisau supaya mengikut arahan atau berdepan maut jika ing-

kar.

"Mereka bawa saya ke jeti nelayan Kuala Kedah dan merampas bot yang adik saya gunakan untuk menangkap ikan tanpa sebarang penjelasan. Saya jadi bingung kerana tidak tahu apa salah saya. Adik saya juga buntu kerana bot itu digunakannya untuk menangkap ikan yang diusahakan keluarga saya selama ini," katanya yang membuat laporan di Balai Polis Kuala Kedah.

Episod malang itu tidak terhenti di situ saja apabila dia mendapati along berkenaan menukar nama wakil kuasa untuk sistem e-diesel ketika membuat semakan.

Menurutnya, selepas bot berkenaan dirampas lima bulan lalu, dia dan adiknya tidak pernah berhubung dengan mana-mana pihak mengenai pertukaran nama untuk e-diesel itu dan tidak mengenali individu yang didaftarkan.

"Penukaran itu pula dibuat menerusi Persatuan Nelayan Kawasan Hilir Perak sedangkan sebelum ini kami berdaftar di Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah pada 2011. Semakan mendapati along berkenaan menipu kononnya sudah mendapat kebenaran daripada saya dan menyunting gam-

bar ketika memohon subsidi diesel.

"Saya rayu pihak berwajib jalankan siasatan kerana saya tidak mempunyai apa-apa tanggapan bayaran sebaliknya sudah bayar lebih daripada sepatutnya," katanya.

Bukan itu saja, katanya, semakan di pusat isytihar di LKIM Kedah turut mendapati penama baharu turut dinamakan sebagai ejen sistem e-isythar dan sistem e-diesel.

Sementara itu, Azman berkata, hasil perbincangan bersama mangsa, satu lagi laporan polis dibuat di Kuala Kedah berhubung kejadian itu.

Katanya, siasatan GBAM mendapati pengadu sudah melunaskan bayaran pinjaman kepada along dan tiada tuntutan lain yang boleh dibuat berdasarkan bukti pembayaran.

"Kita akan rujuk kes ini kepada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana tiada tindakan diambil selepas laporan dibuat tahun lalu," katanya.

Ketua Polis Daerah Kota Setar Asisten Komisioner Mohd Rizzi Jidin ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berkenaan dan memaklumkan tiada tangkapan dibuat setakat ini.

Kuala Lumpur: Permohonan untuk menukar nama wakil kuasa perlu mendapat kebenaran pemilik bot menerusi borang yang ditandatangani.

Sumber berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada pembabit orang dalam di dalam kes itu kerana kelulusan perukaran wakil kuasa dilakukan tanpa pengetahuan pemilik bot sendiri.

Katanya, pihaknya tidak pasti bagaimana individu berkenaan melakukan penukaran nama, namun individu terkini yang dinyatakan di dalam borang mempunyai kuasa untuk mendapatkan bekalan subsidi terbabit.

"Di dalam pendaf-taran awal sebelum ini, memang nama lain dan bila ditu-kar de-

Untuk menukar wakil kuasa, perlu mendapat kebenaran daripada pemilik bot

Orang dalam dalang tukar nama

ngan orang berbeza, dengan sendiri wakil kuasa itu terbatal dan pihak berkuasa hanya benarkan dua orang untuk mewakili pemilik," katanya.

Sumber berkata, sepatutnya untuk menukar wakil kuasa, perlu mendapat kebenaran daripada pemilik bot menerusi borang terbabit sebagai pesakuan memberikan kuasa atau melantik wakil dan dalam kes ini, pemilik tidak tahu mana nahu mengenainya sehinggalah semakan dibuat.

"Untuk bot berkenaan, kuota subsidi adalah sebanyak

20,000 liter diesel sebulan dan kemungkinan besar mereka meniru tandatangan pemilik bot dalam urusan permohonan untuk menukar wakil kuasa," katanya.

Menurutnya, sepatutnya pihak berkuasa lebih teliti dalam meluluskan sebarang permohonan wakil kuasa seperti ini kerana ia membabitkan bot dari luar kawasan yang mendaftarkan di tempat bataru.

"Pemilik bot juga tidak pernah membuat permohonan pindah pengkalan di tempat sekarang, jadi ini memang mencurigakan.

"Ini semua proses yang perlu dilalui, bukan mudah untuk dapat wakil kuasa," katanya.

LKIM tangguh beri subsidi

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menangguhkan pemberian subsidi diesel kepada wakil kuasa yang berkenaan dan akan melakukan semakan semula berhubung perkara itu.

Ketua Pengarahnya Datuk Jamaludin Othman berkata, penangguhan itu bagi membolehkan pihaknya meneliti semula dakwaan pemilik seperti di dalam laporan polis yang dibuat.

Katanya, semakan awal mendapati semua urusan pemrosesan dokumen dan pembelian diesel adalah menerusi sistem serta mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"SOP kita mengikut pe-

keliling pada 2012 memang membenarkan lantikan ejen untuk subsidi. Untuk yang enjin dalam, zon B, C, C2, C3 seperti ini, pemilik juga pemodal boleh melantik wakil.

"Kita sudah memanggil pemilik untuk mengetahui perkara sebenar dan sementara mendapat maklumat lanjut, kita tangguhkan dulu subsidi ini bagi membolehkan kita buat semakan lanjut," katanya.

Menurutnya, pihaknya memproses permohonan itu mengikut SOP sedia ada dan ia berdasarkan ruang lingkup kerja LKIM. Jamaludin berkata, beliau sudah meminta pegawainya meneliti dakwaan berlaku penyelewengan dalam kes itu.

"Setakat ini kita lihat bot itu konsisten dalam pe-



"Kita sudah memanggil pemilik untuk mengetahui perkara sebenar"

Jamaludin Othman

ngambilan mi-nyak dan aktif selain ada pendaratan ikan.

"Justeru, saya mengingatkan pemilik bot dan kumpulan sasar LKIM supaya mematuhi peraturan sedia ada supaya hasrat kerajaan untuk membantu nelayan akan tercapai.

"Industri ini adalah untuk bekalan ikan negara. Bagaimanapun banyak prosedur yang perlu dipatuhi agar tidak menimbulkan masalah pada masa depan," katanya.



Warga asing cengkam rantai sayur Lembah Klang

Tiada kawalan pihak berkuasa antara punca monopoli perniagaan, kawal harga

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanjiran warga Myanmar dan Bangladesh menguasai perniagaan dalam Pasar Borong Kuala Lumpur dekat Selayang di sini tanpa kawalan pihak berkuasa, membuatkan mereka kini semakin kuat mencengkam rantai bekalan sayur kepada pengguna hampir seluruh Lembah Klang. Keupayaan memonopoli perniagaan sayur-sayuran sebagai peraih dan pemborong di dalam dan luar pasar berkenaan, membuatkan mereka berkuasa mengawal hingga menindas pekebun dan peruncit tempatan dalam penentuan harga belian dan jualan sayur-sayuran.

Meskipun membayar sewa mencecah ribuan ringgit setiap bulan kepada pemegang lesen tempatan demi mendapat tempat berniaga dalam pasar borong berkenaan, warga asing sanggup berbuat demikian kerana berupaya menjana kembali pulangan bagi menanam

Laporan Khas

pung kos operasi.

Tinjauan BH mendapati, warga Myanmar dan Bangladesh memenuhi hampir setiap ruang dalam lot pasar borong terbabit yang dianggarkan mempunyai lebih 80 lot perniagaan sayur.

Difahamkan, sewa bagi setiap lot mini diduduki mereka adalah sebanyak RM2,300 hingga RM3,000 sebulan. Lot umpama sekangkang kera yang sekadar boleh memuatkan tiga bakul sayur itu, adalah hasil pecahan lot asal berkeluasan kira-kira 10 meter persegi.

Setiap lot asal dipecahkan kepada empat bahagian oleh pemegang lesen yang menyewa tapak itu dan caj sewanya juga berbeza mengikut waktu.

Difahamkan RM2,300 bayaran sewa untuk lot niaga waktu malam dan RM3,000 untuk perniagaan waktu pagi, membolehkan penyewa sebenar lot berkenaan meraih keuntungan secara mudah tanpa perlu menguruskan sebarang perniagaan di situ.

Pemborong mahu dikenali sebagai Ali Ghafar, yang lebih 10 tahun berniaga, mendakwa terpaksa membayar deposit RM30,000 kepada pemilik tapak yang juga warga tempatan untuk menduduki lot

mini di situ.

Warga Myanmar itu mendakwa, pemilik lot niaga berkenaan memintanya mendapatkan tandatangan tiga warga tempatan sebagai syarat meyakinkan menyewa di situ.

"Untuk lot ini (lot mini), saya kena bayar RM3,000 sebulan. Awak boleh tengok, boleh muat tiga bakul sayur sahaja. Kalau nak lot lagi luas, kena sewa lot mini sebelah. Kena tambah lagi RM3,000," katanya.

Walaupun terpaksa membayar sewa yang tinggi, mereka tidak bimbang kerana keupayaan menjual di antara 700 hingga 1,000 kilogram sayur berdaun sehari sahaja, tidak termasuk sayuran berbuah lain.

Dominasi warga asing di pasar borong itu juga menyaksikan mereka berkuasa sepenuhnya dalam mengawal serta menentu harga sayur yang ingin dijual.

Mereka bukan setakat menguasai aktiviti jualan dan belian bekalan sayur di situ, sebaliknya turut mempunyai pembekal dalam kalangan pekebun sayur warga asing yang mengusahakan kebun di sekitar Lembah Klang.

Pada peringkat pembekal, BH difahamkan ada sekurang-kurangnya empat 'syarikat' milik warga Bangladesh dan Myanmar yang menghantar sayur ke pasar borong berkenaan.

Warga asing yang menjadi pembekal sayur kepada pasar berkenaan memiliki kebun sama ada secara sewaan atau menceroboh ta-

nah di sekitar Selangor dan Pahang.

Tinjauan mendapati, pekebun warga asing menjual sayur seperti kangkung, bayam dan sawi kepada peraih pada harga antara RM1.80 hingga RM2 sekilogram, sebelum peraih atau pemborong menjualnya kepada peruncit dengan kenaikan di antara RM1.50 hingga RM2 sekilogram.

Peraih warga Myanmar, 38, Ahmad Ali, yang mengakui memperoleh bekalan daripada pekebun warga tempatan dan asing, mendakwa harga sayur-sayuran mempunyai pasang surut kerana punca kenaikan dan penurunan dipengaruhi bekalan yang diterima sama ada banyak atau sedikit.

"Ada waktu kita jual murah dan mahal. Kalau sayur sampai pagi, saya jual RM3.50 hingga RM4.50 sekilogram sebab sayur baharu dan segar tetapi bila lewat petang, harga diturunkan kepada jual RM2 (sekilogram) atau lebih murah," katanya.

Seorang peraih warga Bangladesh yang mahu dikenali Rafi, mengakui harga sayur-sayuran yang dijual pada Sabtu dan Ahad lebih tinggi berbanding hari biasa.

Seorang peniaga tempatan, Mohd Azrul, 35, mendakwa terpaksa menaikkan harga antara RM1 hingga RM1.50 bagi setiap kilogram sayur yang dijual di pasar malam, tertakluk harga diperoleh daripada peraih atau pemborong.





Warga asing mendominasi perniagaan di dalam dan luar Pasar Borong Kuala Lumpur.



Pemborong dan peraih menjalankan urusan mereka di pasar borong sayur-sayuran di Kuala Lumpur.



Kebanjiran warga asing memonopoli perniagaan sayur-sayuran di Pasar Borong Kuala Lumpur membimbangkan peniaga warga tempatan.

Pendatang Bangladesh, Myanmar bentuk kartel kuasai pasar borong

Kuala Lumpur: Peniaga warga tempatan yang sering mendapatkan bekalan dari Pasar Borong Kuala Lumpur dekat Selayang di sini, melahirkan kekecewaan terhadap kebanjiran warga asing memonopoli perniagaan sayur-sayuran di situ.

Peraih yang mahu dikenali sebagai Ahmad Suhaimi, 36, berkata kebanjiran warga asing Myanmar dan Bangladesh yang membentuk kartel menguasai perniagaan di situ menimbulkan masalah kepada warga tempatan untuk berniaga dan mendapatkan bekalan.

